LAPORAN PROGAM AKRAB KESELURUHAN

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2024



CARTA ORGANISASI UNIT PSIKOLOGI
IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN PUTRAJAYA



ARBAIYAH BINTI JUSOP
PENGARAH M14



NUR ADILLAH BINTI KHAMIS
TIMBALAN PENGARAH M12



SITI AZURAH BINTI ALIAS
PEGAWAI PSIKOLOGI S10



ARMILAWANI BINTI ABDULLAH
TIMBALAN PENOLONG PENGARAH IMIGRESEN KP5



IZMA NAZRIN SHAH BIN IBRAHIM
PEGAWAI IMIGRESEN KP1



NAZATUL SHAZMAHIRA NATASYA BINTI HASSAN
MYSTEP - UNIT PSIKOLOGI

JAWATANKUASA RAKAN PEMBIMBING
PERKHIDMATAN AWAM

PERKARA	NAMA / BILANGAN
NAMA PENYELARAS	**PUAN SITI AZURAH BINTI ALIAS** (PEGAWAI PSIKOLOGI S10)
NAMA PENGERUSI	**TUAN FIRDAUS BIN NOOR HASIM** (JIM NEGERI SELANGOR)
JUMLAH AHLI JAWATANKUASA	**TIMBALAN PENGERUSI : KOSONG** **SETIAUSAHA : PUAN NOORSALWA BINTI NOORDIN** (JIM NEGERI KEDAH) **TIMBALAN SETIAUSAHA : PUAN WAHIDA BINTI IBRAHIM** (JIM NEGERI JOHOR) **BENDAHARI : PUAN ERNIE NORHUDA BINTI CHE MAMAT** (JIM NEGERI KELANTAN - TELAH MENINGGAL DUNIA) **BIRO KEUSAHAWANAN : PUAN WAN NOR ASHIKIN BINTI WAN OMAR** (JIM NEGERI PAHANG) **BIRO KEBAJIKAN : TUAN MOHD AZLAN BIN MUSA** (JIM NEGERI TERENGGANU) **BIRO PENDIDIKAN : PUAN ARMILAWANI BINTI ABDULLAH** (IBU PEJABAT PUTRAJAYA) **BIRO SERANTA : PUAN ROZITA BINTI AHMAD** (JIM NEGERI PERAK)
PEMERIKSA KIRA - KIRA	KETUA : **TUAN AZNEE BIN ABDUL** (IBU PEJABAT PUTRAJAYA) PENOLONG : **PUAN KHADIJAH BINTI HAJI HASHIM** (JIM NEGERI PULAU PINANG) - TELAH BERTUKAR KE JABATAN LAIN

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1.	JABATAN	55	100
JUMLAH		155	

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB CARE

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1.	JABATAN		
JUMLAH			

LAPORAN JUMLAH SESI BIMBINGAN AKRAB

BIL / PERKARA	KESIHATAN	KEWANGAN	DISIPLIN	LAIN - LAIN (MOTIVASI)	JUMLAH
LELAKI					
PEREMPUAN					
JUMLAH					

PROGRAM - PROGRAM AKRAB JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2024

PROGRAM PERTAMA :

JOHOR, 9 JANUARI 2024 - Timbalan Pengerusi AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor, Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Badrul Hisyam bin Abdul Rahim telah mewakili ahli AKRAB JIM Negeri Johor menyampaikan sumbangan ikhlas kepada suami Allahyarhamah Pegawai Imigresen Kanan Yushaida binti Soludi yang telah kembali ke rahmatullah pada 29 Disember 2023 bersamaan 17 Jamadil'Akhir 1445H.



PROGRAM KEDUA :

JOHOR, 31 JANUARI 2024 - AKRAB JIM Negeri Johor telah mengadakan satu lawatan kerja ke AKRAB Pusat Koreksional Johor Bahru telah disertai oleh 9 orang ahli AKRAB JIM Negeri Johor. Objektif utama lawatan kerja ini diadakan adalah bertujuan untuk melaksanakan urusan penganjuran program kerjasama di antara AKRAB JIM Negeri Johor bersama AKRAB Pusat Koreksional Johor Bahru.

Sesi lawatan disambut oleh wakil AKRAB Pusat Koreksional Johor Bahru yang diketuai oleh TPP Muhammad Fadhil bin Samihan dan turut hadir bersama En. Khairul Anwar bin Kamaruddin selaku Pegawai Psikologi serta beberapa ahli AKRAB.
Setelah persetujuan bersama antara kedua-dua pihak bahawa aktiviti-aktiviti atau program kerjasama antara sesama AKRAB adalah seperti berikut:

- Program 'Bicara Minda' AKRAB JIM Negeri Johor dan AKRAB Pusat Koreksional Johor Bahru.
- TOT '*Training of Trainer*' dan '*refreshment*' Ahli AKRAB
- Program Khidmat Masyarakat 'CSR' kepada golongan sasar









PROGRAM KETIGA :

JOHOR, 29 FEBRUARI 2024 - AKRAB JIM Negeri Johor telah mengadakan satu mesyuarat Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor Bil.1/2024 bagi tujuan penyelarasan dan perancangan aktiviti-aktiviti AKRAB untuk sepanjang tahun 2024. Mesyuarat telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bunga Raya Aras 14 Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika dan telah dipengerusikan oleh Tuan Mahadir Bin Lokeman sebagai Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JIM Negeri Johor, mesyuarat dimulakan dengan sesi ta'aruf, pembentangan dan pengesahan aktiviti-aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2023 dan penyelarasan serta perancangan aktiviti-aktiviti AKRAB bagi tahun 2024.



PROGRAM KEEMPAT :

KEDAH, 20 SEHINGGA 21 MEI 2024 - Jabatan Imigresen Negeri Kedah telah mengadakan Kursus Pengurusan Stres yang dihadiri oleh 32 orang peserta dengan menjemput penceramah dari Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kedah untuk mengendalikan kursus dan dibantu oleh urusetia daripada AKRAB. Antara modul pembelajaran di dalam kursus ini :-

20 MEI 2024

- Family HUB
- Kelesuan Kerja : Emosi dan Keseimbangan
- Pengaruh Emosi
- Terapi Pengurusan Emosi

21 MEI 2024

- *Aptitude Personality* dan Productiviti
- Budaya Kerja Bebas Tekanan
- Kecerdasan Emosi dan Mengukuh Emosi
- Matlamat kursus ini adalah untuk membentuk budaya kecemerlangan di dalam organisasi dan kehidupan harian. Ia Juga bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pegawai berkenaan konsep dan senario stres dalam organisasi. Kursus seperti ini dapat mendorong ke arah keseronokan bekerja tanpa stres.






PROGRAM KELIMA :

NEGERI SEMBILAN, 28 MEI 2024 - Julung kalinya Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Program Kembara Psikologi Siri 1 (Zon Tengah) JIM Tahun 2024. Program ini telah disempurnakan oleh Pegawai Psikologi, Puan Siti Azurah binti Alias di Institut Kepimpinan Dan Pembangunan (ILD)@UITM, Enstek Nilai. Seramai 52 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred hadir daripada enam negeri iaitu JIM Negeri Johor, JIM Negeri Melaka, JIM Negeri Sembilan, JIM Negeri Selangor, JIM WPKL dan JIM KLIA. Program ini telah disampaikan oleh Encik Haji Izuddin bin Ghazali, Pegawai Psikologi (S44) daripada Kementerian Belia Dan Sukan. Bagi sesi petang ceramah turut disampaikan oleh fasilitator Puan Siti Azura binti Ngtiman yang merupakan ahli AKRAB dari JIM Negeri Johor. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dalam bidang kaunseling dan psikologi bagi membantu mereka untuk belajar cara mengatasi dan menangani konflik-konflik di tempat kerja sama ada melibatkan persekitaran pekerjaan ataupun isu peribadi pegawai.







PROGRAM KEENAM :

KEDAH, 27 JUN 2024 - Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Program Kembara Psikologi Siri 2 (Zon Utara). Program ini telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia , YBrs. Puan Arbaiyah binti Jusop di Dewan Serbaguna, Kemeterian Dalam Negeri Aras G seramai 51 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred turut hadir daripada empat JIM Negeri iaitu JIM Negeri Kedah, JIM Negeri Pulau Pinang, JIM Negeri Perak, JIM Negeri Perlis. Program ini telah disampaikan oleh Puan Solleha Nur binti Abdul Rahim iaitu Pegawai Psikologi (S44) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Kedah dan Puan Maznah binti Hassan iaitu Pegawai Psikologi Kanan (S44) daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah. Semasa sesi petang berlangsung, Puan Farah Baizurah binti Samattelah menyampaikan ceramah dan beliau merupakan salah seorang AKRAB JIM daripada Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dalam membantu mengatasi konflik dan emosi di tempat kerja.







PROGRAM KETUJUH :

PAHANG, 25 JULAI 2024 - Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Program Kembara Psikologi Siri 3 (Zon Timur). Program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Sumber Manusia (TPBC I), Puan Nur Adilla binti Khamis di Dewan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Indera Mahkota, Kuantan Pahang. Seramai 51 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred turut hadir daripada tiga JIM Negeri iaitu JIM Negeri Pahang, JIM Negeri Kelantan dan JIM Negeri Terengganu. Program ini telah disampaikan oleh Encik Wan Fadzil bin Wan Ali, Pegawai Psikologi (S44) daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang. Manakala bagi sesi petang fasilitator turut disampaikan oleh Puan Armilawani binti Abdullah yang merupakan ahli AKRAB dari Ibu Pejabat, Putrajaya. Ianya dapat membantu peserta berinteraksi, bertukar pandangan, dan menyelesaikan masalah. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam mengatasi konflik serta mengurus emosi di tempat kerja. Selain itu, ianya bertujuan menyampaikan maklumat secara komprehensif untuk memastikan pemahaman yang menyeluruh.







PROGRAM KELAPAN :

JOHOR, 30 JULAI 2024 - AKRAB JIM Negeri Johor telah mengadakan Kursus Perkembangan Psikologi Dalam Kerjaya bertempat di Bilik Latihan, Aras 13, Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika. Kursus telah disampaikan oleh Ustaz Shaifulnizam bin Jamaludin, Kaunselor SUKJ dan Tuan Muhammad Fazli bin Md Hanif, Pegawai Psikologi (S41) SUKJ dan dibantu oleh seorang fasilitator Encik Abdul Wafiy bin Amran. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan serta penerangan yang lebih meluas kepada pegawai berkaitan kepentingan psikologi dalam kerjaya.






PROGRAM KESEMBILAN :

JOHOR, 31 JULAI 2024 - AKRAB JIM Negeri Johor telah mengadakan Kursus Kesejahteraan Psikologi Untuk Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor bertempat di Ruang Legar Auditorium, Aras 6, Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika. Kursus telah disampaikan oleh Tuan Mohamad Khairulnizam bin Mohd Hamdan, Pegawai Psikologi (S10) IPK Johor Bahru dan Puan Siti Maryam binti Abdul Rahman, Pegawai Psikologi (S10) IPD Batu Pahat dan dibantu oleh ahli AKRAB JIM Johor. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan serta penerangan yang lebih meluas kepada pegawai berkaitan kepentingan psikologi dalam kehidupan seharian.









PROGRAM KESEPULUH :

SARAWAK, 07 OGOS 2024 - Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia Bil. 1/2024 telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching Sarawak bagi tujuan membincangkan perancangan dan penyelarasan aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2024/2025. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pegawai Psikologi iaitu Puan Siti Azurah binti Alias dan dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa AKRAB Tertinggi. Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2023/2024.







PROGRAM KESEBELAS :

SARAWAK, 08 OGOS 2024 – Satu Program Pemantapan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Jabatan Imigresen Malaysia Tahun 2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Transformasi Bandar, Aras 2, UTC Kuching, Sarawak. Seramai 36 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred turut hadir daripada seluruh JIM Negeri Sarawak. Kursus ini bertujuan untuk pemantapan kemahiran ahli AKRAB jabatan dalam mengenali dan memahami personaliti (tingkahlaku dan emosi) seseorang melalui tulisan tangan serta memberi ruang dan peluang untuk peserta menjadi pelapis ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Selain itu, kursus ini dapat membantu meningkatkan kompetensi Ahli (AKRAB) dalam membantu dan menghulurkan bantuan kepada pegawai-pegawai untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah disamping menjalankan tugas harian. Seramai 36 orang pegawai dari pelbagai gred dan pegawai gunasama JIM Negeri Sarawak telah hadir berkursus dengan jayanya. Kursus ini telah disampaikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi AKRAB yang telah dilantik sebagai fasilitator. Program ini jua, telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Abdul Halim bin Abang Nail, selaku Pengarah JIM Negeri Sarawak.







PROGRAM KEDUA BELAS :

PUTRAJAYA, 13 SEHINGGA 14 OGOS 2024 - Program Hari Terbuka Bahagian Pegurusan Sumbrer Manusia Tahun 2024 telah dilaksanakan di Aras 3, Ibu Pejabat Imigresen Malaysia. Program ini telah dianjurkan oleh Unit HRMIS dengan bekerjasama Unit Psikologi bagi memberi ruang kepada kakitangan JIM untuk mendapatkan maklumat dan pendedahan berkaitan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan aspek psikologi dalam sektor perkhidmatan awam.

Program ini, diwakili dua orang wakil dari Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JIM yang telah dijemput untuk menyertai pembukaan pameran berkaitan AKRAB iaitu Puan Farah Baizurah Binti Samat , merupakan Pembantu Tadbir (N22) dari Ibu Pejabat Putrajaya, dan Puan Noor Diran binti Ahmad, seorang Pegawai Imigresen (KP26) dari JIM KLIA sebagai wakil AKRAB JIM. Mereka turut mempamerkan bahan-bahan pameran yang berkaitan untuk memberi perkongsian kepada kakitangan JIM mengenai peranan serta kepentingan kedua-dua aspek tersebut dalam sektor perkhidmatan awam. Acara ini telah berlangsung di Ruang Legar Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) di Ibu Pejabat Putrajaya.







PROGRAM KETIGA BELAS :

JOHOR, 13 OGOS 2024 - AKRAB JIM Negeri Johor telah mengadakan Seminar Kepimpinan Emosi Tahun 2024 bertempat di Auditorium Aras 6, Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika. Ustaz Zawawi bin Rasmani sabagai moderator seminar, program telah disampaikan oleh Kapten Maritim Ustaz Haji Nik Kamaruddin bin Haji Yunok Pengerusi AKRAB Kompleks Kementerian Dalam Negeri dari APMM dan Tuan Muhammad Khairul Anwar Bin Kamaruddin, Pegawai Psikologi (S41) Pusat Koreksional Johor Bahru dan dibantu oleh ahli AKRAB JIM Negeri Johor. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kecerdasan emosi atau *emotional intelligence* dalam kepimpinan di mana pemimpin yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan cenderung menerapkan kepimpinan transformatif.









PROGRAM KEEMPAT BELAS :

KEDAH, 20 OGOS 2024 – Jabatan Imigresen Negeri Kedah telah melaksanakan Kursus AKRAB BERSAMAMU bagi mendekatkan pegawai dan wakil-wakil AKRAB JIM Negeri Kedah. Objektif program adalah untuk mewujudkan komunikasi berkesan di dalam sesebuah Jabatan. Beberapa aktiviti telah dijalankan pada sesi pagi dan sesi petang antaranya :

Aktiviti 1 - Sesi Senam Robik

Matlamat senam robik adalah untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan kesejahteraan secara keseluruhan melalui senaman yang melibatkan pergerakan tubuh yang energik dan ritmik. Secara khususnya, senam robik bertujuan untuk :

- Meningkatkan Kecergasan Kardiovaskular
- Membakar Kalori

Aktiviti 2 – Kenali Diri

Matlamat kenali diri adalah bertujuan untuk pegawai membantu peserta mengenali dan mengembangkan potensi diri, serta meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Dengan cara ini pegawai dapat meningkatkan pemahaman diri dan mengawal keterampilan emosional.

Aktiviti 3 – Kiriman Nota

Matlamat kiriman nota adalah untuk memberi dorongan dan semangat kepada pegawai lain tanpa pengetahuan daripada pengirim.

Aktiviti 4 – Sesi Luahan Hati

Matlamat aktiviti ini adalah untuk memberikan ruang dan peluang kepada peserta untuk mengungkap perasaan, fikiran, dan pengalaman mereka secara terbuka dan jujur. Peluang ini digunakan untuk pegawai meluahkan rasa hati yang telah terpendam lama.

Aktiviti 5 – Titian Siratulrahim

Matlamat aktiviti ini dibuat untuk memperkukuhkan hubungan sosial dan ukhuwah (persaudaraan) antara individu atau komuniti dalam masyarakat. Istilah titian silaturahim itu sendiri bermaksud jalinan hubungan yang kukuh antara sesama manusia, yang disyariatkan dalam agama Islam sebagai salah satu amalan yang sangat digalakkan.

Aktiviti 5 – *Put The ball Into Basket*

Aktiviti ini dibuat untuk pegawai untuk menyelesaikan masalah bersama-sama dengan pegawai yang lain.

Aktiviti 6 – Teka Barang Dalam Kotak

Aktiviti ini dijalankan hanyalah untuk pegawai menerima hadiah yang disediakan kepada pegawai oleh pihak urusetia dan ahli AKRAB terlibat.



PROGRAM KELIMA BELAS :

KEDAH, 28 OGOS 2024 – Jabatan Akauntan Negara Negeri Kedah telah menjemput wakil AKRAB JIM Negeri Kedah iaitu Puan Lenny Esma binti Tomadi dan Puan Noorsalwa binti Noordin sebagai Juri Pertandingan Merdeka Fashion Show 2024. Tujuan Jabatan ini menjemput ahli AKRAB JIM Negeri Kedah adalah untuk mengeratkan hubungan profesional antara individu atau organisasi, untuk meningkatkan kerjasama, memperkenalkan pihak-pihak yang terlibat, dan memudahkan pertukaran maklumat atau idea dalam suasana yang lebih formal.









PROGRAM KEENAM BELAS :

LANGKAWI KEDAH, 04 SEHINGGA 06 SEPTEMBER 2024 – Dalam usaha meningkatkan kecekapan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) , Kursus Pra AKRAB Tahap 1 Jabatan Imigresen Malaysian Tahun 2024 telah dianjurkan oleh Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang bertempat di Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan (TKPP), YBrs. Tuan Haji Ismail bin Mokhtar. Seramai 35 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred turut hadir daripada seluruh JIM Negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Kursus ini bertujuan dapat melahirkan pegawai yang memahami fungsi dan peranan kaunseling dalam perkhidmatan awam, berkemahiran untuk menjadi pendengar yang baik, berkebolehan mengenalpasti dan dapat membezakan permasalahan rakan sekerja. Selain itu, kursus ini dapat menghasilkan pegawai yang mempunyai tahap celik akal yang tinggi serta mampu menstabilkan emosi dan pemikiran ketika berhadapan dengan apa jua keadaan. Justeru itu, dapat mewujudkan pegawai yang bertingkah laku positif, berdisplin dan berpotensi di dalam organisasi serta berprestasi baik di dalam perkhidmatan.







PROGRAM KETUJUH BELAS :

PERAK, 25 HINGGA 27 SEPTEMBER 2024 - Kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Imigresen Negeri Selangor yang di D' Hotel Sri Iskandar, Bandar Sri Iskandar, Perak. Kursus Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 2 Ahli Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) ini disertai oleh 11 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan pelaksana pelbagai Gred. Peserta didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang bimbingan dan kaunseling serta meningkatkat kemahiran sehingga layak ditauliahkan sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Penceramah jemputan adalah Puan Siti Azurah binti Alias yang bertugas di Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Imigresen Malaysia Putrajaya. Ujian penilaian secara atas talian yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga dijalankan bagi menilai peserta dan semua peserta telah lulus dengan jayanya.







PROGRAM KELAPAN BELAS :

PUTRAJAYA, 29 OKTOBER 2024 - Seminar Psikologi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) anjuran Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama PUSPANITA Tahun 2024 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Imigresen (KP), YBhg. Dato' Zakaria Bin Shaaban. Seramai 115 orang pegawai JIM pelbagai skim dan gred hadir daripada Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat, dan enam JIM Negeri iaitu JIM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JIM Negeri Selangor, JIM KLIA, JIM Negeri Melaka, JIM Negeri Sembilan dan JIM Negeri Johor. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan berkongsi ilmu mengenai pengurusan psikologi termasuk pembentukan persekitaran kerja yang positif bagi memupuk budaya kerja yang cemerlang. Jabatan ini memilih bulan Oktober bagi melaksanakan Program ini kerana bulan Oktober merupakan Bulan Kaunseling Kebangsaan dan tema pada tahun ini adalah "Utamakan Kesihatan Mental Di Tempat Kerja : Minda Sihat, Organisasi Hebat". Selain pengisian forum dan ceramah, pelbagai aktiviti lain turut disediakan di ruang pameran seperti terapi warna, saringan minda sihat, ujian personaliti, terapi urutan stres dan info kesedaran berkaitan kesihatan wanita.







CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKRAB JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

- Menyelaraskan kaedah penulisan buku log AKRAB di semua negeri oleh pihak Ibu Pejabat.
- Melaksanakan Hari AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia sekali dalam setahun.
- Mewujudkan Buletin AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia.
- Mengadakan kursus-kursus teori kaunseling serta praktikal kepada AKRAB Jabatan yang membolehkan AKRAB menggunapakai dalam sesi sekiranya berkeperluan.
- Mengadakan Konvensyen AKRAB JIM yang dianjurkan mengikut Zon.
- Mengadakan bengkel motivasi bagi pegawai-pegawai Jabatan yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun.
- Mengadakan Program Orientasi Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) selama satu atau dua minggu kepada semua ahli AKRAB seluruh Malaysia, yang mana modul kaunseling dan psikologi asas didedahkan semasa program tersebut dilaksanakan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk melahirkan ahli AKRAB yang betul-betul menjiwai konsep AKRAB dalam menolong dan membantu rakan sekerja.

ULASAN (KESELURUHAN) PENYELARAS JABATAN

AKRAB JIM berusaha untuk mencapai objektif yang ditetapkan oleh JPA dan Jabatan bagi memaksimakan penggunaan dan keperluan ahli AKRAB sedia ada. Justeru, latihan demi latihan akan dirancang pada masa akan datang bagi menggerakkan setiap ahli agar lebih proaktif dan efesyen. AKRAB JIM juga mula melibatkan diri dengan pencalonan - pencalonan anugerah dan pengiktirafan yang lain bagi menghargai setiap ahli yang aktif. Ia juga sebagai pemangkin kepada ahli yang lain untuk lebih proaktif dan dinamik.

Selain itu, dengan wujudnya AKRAB JIM telah meningkatkan semangat setiakawan, sepakat, kerjasama dan wujud persekitaran kerja yang muhibbah di kalangan ahli. Tambahan pula, AKRAB Jabatan sentiasa bersedia membantu dan membimbing rakan sekerja yang lain dalam mengenalpasti dan menyelesaikan masalah disamping menjalankan tugas harian.